


MUDAHNYA BUAT VIDEO ANIMASI GUNA MS POWERPOINT



Langkah demi langkah
untuk pemula (beginner)



MUDAHNYA BUAT VIDEO ANIMASI GUNA MS POWERPOINT

Langkah demi langkah untuk pemula
(beginner)



Hak Cipta



ePembelajaran Politeknik Merlimau

Penulis
Aspalilla Main

Terbitan 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran penulis.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Aspalilla Main

MUDAHNYA BUAT VIDEO ANIMASI GUNA MS POWERPOINT : Langkah demi langkah untuk pemula (beginner) / ASPALILLA MAIN.

Mode of access: Internet

eISBN 978-967-2241-78-2

1. Microsoft PowerPoint (Computer file).
2. Presentation graphics software.
3. Computer animation.
4. Government publications--Malaysia.
5. Electronic books.

I. Judul.

005.58

Diterbitkan oleh:

Politeknik Merlimau, Melaka

KB1031 Pej Pos Merlimau,

77300 Merlimau Melaka

Penghargaan



Puji dan syukur dipanjatkan kehadiran Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan rahmat dan hidayahNya karya ilmiah yang berjudul “Mudahnya Buat Video Animasi Dengan MS PowerPoint - Langkah demi langkah untuk pemula (beginner)” dapat disiapkan dan diterbitkan.

Ucapan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam membantu proses penerbitan karya ilmiah ini termasuk rakan-rakan yang telah memberi idea, sumbangan dan sokongan secara langsung atau pun tidak langsung.

Semoga ini menjadi ladang pahala buat kita nanti di sana.

Penulis

Sidang Redaksi



Editor Mengurus

Ts Dr. Maria binti Mohammad
Rosheela binti Muhammad Thangaveloo
Nisrina binti Abd Ghafar
Azrina binti Mohmad Sabiri
Zuraida bt Yaacob
Raihan binti Ghazali

Rekabentuk Grafik

Aspalilla Main

Konsep dan Idea

Aspalilla Main

Prakata



Buku ini ditulis sebagai salah satu siri MS PowerPoint yang boleh dijadikan panduan dan tutorial dalam menghasilkan persembahan berbentuk video animasi. Ia ditulis secara langkah demi langkah dalam memberi kefahaman kepada pembaca yang baru berjinak-jinak dengan penghasilan animasi.

Buku ini akan memandu pemula animasi untuk menghasilkan animasi menggunakan MS PowerPoint dengan mempersembahkan cara kerja secara langkah demi langkah yang disokong dengan grafik. Terdapat lima persembahan animasi yang dibangunkan menggunakan lapan jenis kesan animasi yang disediakan oleh perisian MS PowerPoint

Sebagai penulis, saya mengakui bahawa masih terdapat kekurangan pada karya ilmiah ini. Oleh itu, kritik dan saranan daripada seluruh pihak sentiasa diharapkan demi kesempurnaan karya akan datang. Semoga karya ilmiah ini membawa pemahaman dan pengetahuan bagi kita semua tentang kepelbagaian aplikasi dalam MS PowerPoint.



Isi Kandungan

1

Pengenalan animasi

10

Animasi dalam MS
PowerPoint

23

Peralatan (tools)
animasi dalam MS
PowerPoint

29

Cipta animasi langkah
demi langkah

49

Rujukan

PENGENALAN ANIMASI





1

Animasi adalah kaedah atau proses untuk menjadikan objek muncul sebagai gambar yang bergerak

2

Animasi boleh dihasilkan dengan menambahkan pergerakan kepada objek statik menggunakan pelbagai teknik

3


Animasi merupakan salah satu elemen dalam persembahan multimedia yang boleh menarik minat audien untuk menonton satu-satu persembahan

4

Animasi yang dibangunkan dengan perisian komputer memerlukan 12 hingga 15 bingkai (frame) supaya pergerakan objek berfungsi dengan baik

5

Terdapat 2 teknik untuk menghasilkan animasi iaitu animasi tradisional dan animasi berkomputer



Teknik Menghasilkan Animasi



ANIMASI TRADISIONAL

Objek akan dilukis menggunakan tangan di dalam bingkai (frame). 1 saat animasi memerlukan 20 bingkai. Oleh itu, bagi animasi selama 2 minit, pelukis memerlukan sekitar 2400 helaian objek.




Image oleh Pixabay

ANIMASI BERKOMPUTER

Merujuk kepada animasi yang dihasilkan menggunakan teknologi komputer. Objek akan digerakkan secara linear merentasi skrin menggunakan teknik tweening atau teknik keyframing bagi menghasilkan pergerakan.




Image oleh Pixabay

Kelebihan animasi dalam persembahan



Animasi merupakan salah satu elemen dalam multimedia selain daripada teks, audio, video dan grafik. Penggunaan animasi adalah pelbagai, tetapi animasi lebih dikenali sebagai elemen hiburan fantasi contohnya kartun Upin Ipin, Walt Disney, Boiboiboy dan sebagainya.




Visual lebih dinamik



Elemen kreatif menarik minat audien



Visual mampu menzahirkan fantasi manusia



Menceriakan kandungan persembahan

Kategori Animasi



ANIMASI 2D

Animasi 2D adalah animasi dua dimensi yang mana ia hanya boleh dilihat melalui pandangan hadapan. Objek animasi 2D ialah berasaskan imej vektor. Pergerakan animasi 2D boleh dibina menggunakan perisian yang mempunyai garis masa (timeline) di mana objek disusun secara linear dalam garis masa dan perubahan pergerakan dibuat dalam bingkai (frame). Contoh perisian pembangunan animasi yang popular dalam kalangan pemula ialah Adobe Flash .



Image oleh Pixabay

ANIMASI 3D

Animasi 3D adalah objek animasi yang terdapat dalam ruang tiga dimensi. Animasi ini tidak hanya memiliki tinggi dan lebar, tetapi juga memiliki elemen kedalaman (tinggi, lebar, kedalaman). Objek animasi boleh berpusing dan bergerak seperti objek asal dan boleh dilihat seolah-olah objek yang nyata dan hidup.




Image oleh Pixabay

Animasi 3D dibuat kerana keinginan manusia (audien) untuk membuat objek kelihatan hidup dan dapat bergerak berdasarkan ekspresi daripada objek tersebut.

CONTOH SURI ANIMASI

2D

Doraemon

Looney Tunes

Lion King

Upin Ipin

3D

Finding Nemo

Toy Story

Cars

Boboiboy



Fungsi Animasi dalam Persembahan

01

Hiburan contohnya kartun
dan video permainan

02

Pemasaran contohnya iklan

03

Pembelajaran contohnya
perisian simulasi


04

Kesehatan contohnya model
perubatan 3D maya

05

Senibina contohnya model
bangunan 3D maya

Perisian Pembangun Animasi



Berikut merupakan aplikasi pembangunan animasi yang boleh digunakan bagi seorang pemula untuk mendapatkan gambaran ringkas mengenai animasi. Perisian ini boleh dipasang dalam komputer yang beroperasi dalam persekitaran Mac OS X, Linux, dan Windows.

Animasi 2D

01. Animation paper

02. STYKZ

03. Pensil2D

04. OpenToonz

Animasi 3D

01. 3D Aurora

02. Blender

03. Clara.IO


04. Anim8or

CIPTA ANIMASI LANGKAH DEMI LANGKAH





Animasi yang ringkas boleh dibangunkan dengan menggunakan Ms PowerPoint kerana perisian ini menyediakan fungsi Animations dalam bar menunya.



Fungsi Animations dalam bar menu MS PowerPoint

Animasi ini berfungsi untuk melengkapkan kandungan dan menarik perhatian pengguna terhadap elemen penting dalam persembahan. Objek yang terdapat dalam slaid persembahan seperti teks, grafik dan bentuk boleh diberi kesan animasi supaya elemen pergerakan wujud pada objek tersebut.

Namun begitu, kesan animasi tidak boleh keterlaluan sehingga mengganggu kandungan utama slaid persembahan; kecuali persembahan ialah sepenuhnya berbentuk animasi.



Tips Menggunakan Animasi

- 1** **Jangan Berlebihan**

Animasi yang berlebihan mengganggu audien. Tumpuan utama haruslah isi kandungan pembentangan.
- 2** **Konsisten**

Jika anda menggunakan animasi transisi untuk menukar slaid, pilihan animasi transisi tersebut mestilah konsisten untuk setiap slaid sehingga akhir persembahan.
- 3** **Penekanan**

Animasi boleh digunakan untuk memberi penekanan terhadap isi utama bagi menarik perhatian audien. Isi utama itu mungkin boleh muncul dari bahagian bawah, atas, kiri atau kanan slaid persembahan.

Kesesuaian

4

Pilih animasi yang sesuai dengan isi utama yang ingin diberi penekanan.

Contoh: Animasi yang sesuai bagi memberi emosi teruja terhadap angka yang besar dalam membentangkan keuntungan ialah animasi Blink, bukan Swivel yang boleh membuat penonton terganggu.



Pilihan jenis animasi Blink untuk memberi penekanan keterujaan

Kolaborasi

5

Animasi boleh digabungkan dengan fungsi Bullet and Numbering supaya persembahan isi penting boleh muncul secara satu persatu. Ini bermaksud, satu isi kandungan dengan satu Bullet atau Numbering akan muncul dalam slaid pembentangan dengan satu jenis animasi, diikuti dengan isi kandungan yang lain. Ia dibuat begitu supaya isi penting itu dapat dipersembahkan berdasarkan kepada keutamaan.

Realistik

6


Tidak semua isi kandungan dalam slaid pembentangan memerlukan animasi kecuali ia merupakan isi penting. Oleh itu, pemilihan jenis animasi perlu realistik dengan jenis isi kandungan.

Hadkan hanya dua atau tiga jenis animasi sahaja dalam satu slaid pembentangan agar tidak mengganggu isi kandungan.

Rancang

7

Kandungan, jenis animasi dan jenis transisi dalam slaid pembentangan perlu dirancang. Ini kerana, animasi dan transisi yang banyak akan membuatkan masa persembahan slaid bertambah. Walaupun masa Animations boleh dikawal menggunakan fungsi Timing, ia tetap akan menyebabkan audien bosan jika pembentangan mengambil masa yang lama.



Fungsi Timing untuk mengawal masa animasi




Video Animasi dalam MS Powerpoint

Keupayaan MS PowerPoint menyediakan kesan animasi terhadap peralihan visual yang lancar dalam slaid persembahan membolehkan ia sesuai bagi membangunkan persembahan video animasi.


Fungsi gerakan dalam animasi secara semula jadi mampu menarik perhatian mata audien. Jika kesan animasi ini dibangunkan dan dihasilkan dengan baik, pengalaman mengikuti pembentangan akan menjadi menarik dan dinamik.

Idea utama menggunakan animasi bukan sekadar untuk menjadikan kandungan tersebut interaktif dan menghiburkan, tetapi juga untuk menarik perhatian audien kepada perkara-perkara penting supaya persembahan lebih diingati.

Terdapat pelbagai jenis pilihan animasi yang boleh diaplikasikan ke dalam teks, bentuk atau grafik seperti Fly In, Appear, Blink, Fade dan pelbagai lagi untuk menjadikan slaid persembahan menarik. Pilihan animasi itu boleh juga dipelbagaikan untuk menjadikan animasi yang berturutan seterusnya menjadi satu pakej video linear.



Kepelbagaian jenis pilihan animasi dalam MS PowerPoint untuk membangunkan video animasi



Bagi mereka yang mempunyai imajinasi melampaui animasi PowerPoint standard, persekitaran dan fungsi dalam PowerPoint berupaya untuk menghasilkan animasi yang lebih kompleks dan unik melalui teknik yang dinamakan animasi khusus (custom animation). Melalui pilihan, susunan dan tetapan yang kreatif, video animasi menggunakan perisian ini boleh dihasilkan.

Dalam MS PowerPoint, terdapat dua teknik yang boleh diaplikasikan dalam membangunkan video animasi melalui animasi khusus iaitu :

1. Kombo animasi: pelbagai animasi diterapkan pada satu objek
2. Animasi "custom motion path" : Pergerakan rekaan sendiri

Dengan mengaplikasi kedua-dua teknik ini pada objek di dalam slaid berdasarkan ketetapan yang bersesuaian, seterusnya fail persembahan disimpan dalam format video, video animasi dapat dihasilkan dengan mudah.

Masukkan objek dalam slaid pada MS PowerPoint

1

Masukkan beberapa jenis animasi (kombo animasi) dalam satu objek pada slaid

2

Aplikasikan "custom motion path" dalam objek pada slaid

3

Simpan slaid pembentangan dalam format video

4

X

VIDEO ANIMASI




Mengapa MS PowerPoint boleh menghasilkan video animasi?

Berikut merupakan elemen yang membolehkan video animasi dihasilkan menggunakan perisian ini :

1 Format Video

MS PowerPoint menyediakan format video iaitu MPEG-4 dan Windows Media Video bagi penyimpanan fail.




Format video untuk penyimpanan fail

2

Fungsi garis masa (timeline) pada Animation Pane

Panel ini berfungsi menyenaraikan objek pada slaid yang diberikan kesan animasi. Ia boleh juga digunakan untuk menyusun turutan kesan animasi yang akan berlaku pada mana-mana objek dalam satu slaid persembahan.

Animation Pane juga mempunyai fungsi garis masa (timeline) seperti mana-mana perisian pembangunan animasi linear yang lain untuk mengawal jangka masa kesan animasi terhadap objek tersebut.




Panel Animasi (Animation Pane) yang berfungsi untuk membuat susunan turutan kesan animasi dalam slaid

3

Fungsi Suara (Sound)

Animasi pada objek boleh ditambah dengan suara (sound) untuk memberi kesan yang lebih dramatik pada slaid persembahan. Ia terletak pada menu pilihan kesan (effect option) dalam setiap kesan animasi yang ditambah pada objek.

Dengan adanya fungsi suara bersama kesan animasi, elemen multimedia yang sepatutnya ada dalam video animasi dapat dipenuhi.



Panel tetapan suara yang tersedia dalam kesan animasi

Format
penyimpanan
(video)


+

Fungsi garis masa
(timeline) dalam
Animation Pane

+

Fungsi suara
dalam tetapan
animasi

=



VIDEO ANIMASI PPT

Gabungan elemen dalam MS Powerpoint
untuk menghasilkan video animasi

PERALATAN (TOOLS) ANIMASI DALAM MS POWERPOINT






Panel Animasi

MS PowerPoint menyediakan beberapa panel tetapan untuk pengguna membangunkan animasi dalam slaid pembentangan. Bagi pengguna yang biasa menggunakan MS Windows, penggunaan peralatan (tools) ini agak mudah kerana ia mesra pengguna walaupun bagi mereka yang baru pertama kali menggunakan aplikasi ini.

Berikut merupakan beberapa panel tetapan yang disediakan oleh Animations dalam MS PowerPoint :

1

PANEL ANIMATIONS



Panel Animations membolehkan pengguna untuk menambah elemen pergerakan dalam objek yang dimasukkan ke dalam salid MS PowerPoint. Animations ini terletak pada bar menu perisian dan ia menyediakan pelbagai jenis pergerakan yang boleh diaplikasikan kepada objek yang ingin diberi kesan animasi.


Cara membuka panel Animations :

1. Pilih objek atau teks yang pengguna ingin animasikan
2. Pilih panel Animations yang terletak pada menu bar
3. Pilih jenis animasi

*Terdapat tiga kategori animasi dalam panel ini iaitu :

- Entrance effect
- Emphasis effect
- Exit effect

2 EFFECT OPTIONS




Effect Options merupakan pilihan kesan animasi tambahan yang boleh diapikasi pada objek dalam slaid setelah jenis kesan animasi dipilih. Ia terletak pada menu bar bersebelahan dengan panel Animations.

Cara membuka Effect Options :

1. Pilih jenis animasi dalam panel Animations
2. Pilih kesan tambahan dalam Effect Options

3

ANIMATION PANE




Animation Pane merupakan fungsi yang disediakan untuk membuat tetapan susunan animasi ke atas objek di dalam slaid. Animasi yang terletak paling atas dalam susunan akan berfungsi dahulu diikuti turutan di bawahnya. Selain itu, ia juga berfungsi seperti garis masa (timeline) untuk membuat tetapan panjang masa animasi.

Animation Pane juga dijadikan tetapan untuk menerapkan pelbagai animasi pada satu objek yang sama (kombo animasi). Sebagai contoh di atas, objek matahari mempunyai dua jenis animasi yang diterapkan iaitu Lines dan Blink. Kombo animasi ini boleh diaplikasikan dengan penggunaan fungsi Add Animation untuk menambah animasi pada Animation Pane.

Cara menghasilkan kombo animasi dalam satu objek :

1. Pilih objek dalam slaid yang ingin diberi pergerakan
2. Klik **Animation Pane** dalam panel **Animations**
3. Klik **Add Animation** dan pilih animasi untuk objek tersebut
*Animasi tersebut akan terpapar pada baris pertama dalam **Animation Pane**
4. Pilih semula objek yang sama, klik lagi **Add Animation** dan pilih kesan animasi yang lain pula
*Animasi kedua akan terpapar pada baris kedua dalam **Animation Pane**




Objek matahari mempunyai dua jenis animasi berbeza iaitu Lines dan Blink

5


KAWALAN ANIMASI

Terdapat beberapa kaedah untuk membuat tetapan kawalan bagi mana-mana pilihan animasi tersebut berfungsi, iaitu : Animations Ribbon, Down List pada Animation pane dan Effect Options Dialog.


Kawalan animasi yang biasa digunakan meliputi tetapan durasi animasi, kesan suara animasi, bila animasi akan mula berfungsi dan banyak lagi. Pengguna MS PowerPoint boleh meneroka pilihan tetapan kawalan bagi mendapatkan kesan animasi yang dikehendaki dan bersesuaian dengan konsep persembahan.



Animations Ribbon



Drop List Animation Pane



Effect Options Dialog


6

SELECTION PANE

Selection Pane berfungsi untuk menguruskan sebarang objek yang dimasukkan ke dalam slaid. Setelah memasukkan bentuk, teks atau grafik ke dalam slaid, pengguna boleh membuka Selection Pane untuk memberi nama objek (rename), mengumpulkan objek (group and ungroup) seterusnya menunjukkan atau menyembunyikan objek (hide and show).

Objek yang disenaraikan dalam panel disusun dalam susunan visual-atas-ke-bawah. Objek yang baru dimasukkan adalah di bahagian atas senarai.

Panel Selection Pane ini sangat penting dalam pengurusan kesan animasi supaya kepelbagaian objek yang dimasukkan ke dalam slaid boleh diuruskan dengan baik dan ia berfungsi mengikut apa yang dikehendaki.



Selection Pane

Mudahnya guna
Peralatan Animasi
(Tools)

MSPowerpoint

Perisian biasa bagi
pengguna MS Office

Antaramuka grafik

Mesra Pengguna

Pelbagai tetapan
kawalan



CIPTA ANIMASI LANGKAH DEMI LANGKAH





Animasi adalah kesan visual untuk objek dalam persembahan PowerPoint. Animasi memberi kesan pergerakan kepada objek seperti teks, bentuk dan grafik di dalam slaid.

Dalam MS PowerPoint, terdapat tiga kategori kesan animasi iaitu **entrance**, **emphasis** dan **exit**. **Entrance** akan membawa animasi masuk ke dalam slaid, **Exit** menggerakkan objek keluar slaid, manakala **Emphasis** akan memberi penekanan terhadap objek di dalam slaid. Gabungan ketiga-tiga kesan animasi ini membolehkan slaid MS PowerPoint berupaya menjadi video animasi sekiranya format penyimpanan yang dipilih ialah format video.

Pada bahagian ini, langkah demi langkah akan diberikan untuk membangunkan slaid yang mempunyai kombo animasi sehingga membentuk satu video animasi.


Perkara utama yang perlu dilakukan sebelum memindahkan idea ke dalam perisian pembangunan animasi ialah perancangan. Untuk menghasilkan pakej multimedia seperti video animasi ini, penghasilan papan cerita (storyboard) adalah penting kerana ia akan menjadi panduan dalam proses pembangunan video. Banyak templat papan cerita boleh digunakan untuk membuat perancangan cerita, jadi ia terpulang kepada keselesaan dan kesesuaian pembangun video nanti.

Langkah demi langkah PROSES MENGHASILKAN VIDEO ANIMASI



MARI CIPTA ANIMASI 1

Matahari
timbul dan
bersinar




Animasi I

Matahari timbul dan bersinar

Animasi pertama yang akan kita bangun adalah pergerakan matahari dari celah gunung, naik ke awan dan akan terus bersinar. Terdapat dua jenis kesan animasi yang akan diaplikasikan di sini iaitu : Lines dan Blink


Langkah : Susun dan namakan objek

1. Masukkan objek dan susun ke dalam slaid. Ada empat objek di dalam slaid ini iaitu awan, matahari, gunung dan rumput.
2. Namakan objek di dalam slaid menggunakan fungsi Selection Pane :
 - i. Home > Select > Selection Pane
 - ii. Klik kanan pada objek dalam Selection Pane dan namakan. Dalam slaid ini, objek dinamakan sebagai rumput, awan, gunung dan matahari




Langkah : Pilih kesan animasi

1. Klik Animations dalam menu bar dan klik Animation Pane untuk keluarkan panel Animation Pane
2. Pilih objek matahari pada slaid
3. Pilih Animations > Motion Paths > Lines




Langkah : Masukkan kesan animasi 1 (Lines)

1. Klik Effect Options pada Ribbon Bar untuk mengawal pergerakan animasi Lines tadi dan pilih Left (matahari bergerak dari kanan ke kiri)
2. Kelihatan arah anak panah hijau (mula) bergerak ke anak panah merah (akhir) menunjukkan pergerakan ke kiri
3. Pada Animation Pane telah ada satu senarai animasi Lines




Langkah : Masukkan animasi 2 (kombo)

1. Klik objek Matahari pada Selection Pane
2. Klik Add Animation pada bar menu dan pilih Pulse (animasi 2)



Langkah : Kawal durasi animasi 2

1. Klik anak panah ke bawah (drop down menu) animasi Matahari 2 pada Animation Pane untuk keluarkan dialog box
2. Tekan tab Timing > Start After Previous > Duration 0.5 seconds > OK
3. Kelihatan animasi 2 akan berfungsi selepas animasi 1 pada garis masa (timeline)



4. Tekan Slide Show untuk melihat tetapan kombo animasi

Animasi matahari timbul dan bersinar berjaya dibangunkan!


Langkah : Kawal pergerakan animasi

1. Klik animasi Matahari pada Animation Pane (anak panah hijau dan merah bertukar menjadi bullet hijau dan merah pada objek matahari)
2. Tarik bullet merah ke atas untuk menjadikan animasi terbit matahari menggunakan animasi Lines



Langkah : Kawal durasi animasi 1

1. Klik anak panah ke bawah (drop down menu) animasi Matahari pada Animation Pane untuk keluarkan dialog box
2. Tekan tab Effect > Smooth start 0 sec > Smooth end 0s > OK
3. Tekan tab Timing > Start On Click > Duration 3 seconds > OK



4. Tekan Slide Show untuk melihat tetapan kombo animasi

MARI CIPTA ANIMASI 2



Pertumbuhan
tanaman


Animasi 2

Pertumbuhan tanaman (plant growth)

Oleh kerana dalam Animasi 1 kita telah memberi pergerakan kepada matahari, Animasi kedua yang akan kita dibangunkan ialah pertumbuhan tanaman. Terdapat hanya satu jenis animasi yang akan diaplikasikan di sini iaitu : Wipe.


Langkah : Susun dan namakan objek

1. Masukkan 2 jenis objek (imej vektor) iaitu batang tumbuhan dan 5 helai daun
2. Namakan objek di dalam slaid menggunakan fungsi Selection Pane (batang, Daun 1, Daun 2, Daun 3, Daun 4 dan Daun 5)




Langkah : Pilih kesan animasi

1. Klik Animations dalam menu bar dan klik Animation Pane untuk keluarkan panel Animation Pane
2. Pilih objek batang pada slaid
3. Pilih Animations > Entrance > Wipe



Langkah : Kawal durasi animasi (Wipe)


1. Klik anak panah ke bawah (drop down menu) animasi batang pada Animation Pane untuk keluarkan dialog box
2. Tekan tab Timing > Start After Previous > Duration 2 seconds > OK



Langkah : Salin kesan animasi

Animasi Wipe akan diaplikasikan untuk kesemua objek yang tinggal iaitu Daun 1, Daun 2, Daun 3, Daun 4 dan Daun 5. Oleh itu, tetapan animasi sebelum ini boleh disalin ke dalam objek daun menggunakan fungsi Animation Painter.

1. Pilih objek batang pada slaid yang telah diberi animasi Wipe
2. Klik Animations > Animation Painter pada Bar Ribbon (proses salin)
3. Pilih objek yang ingin diaplikasi animasi yang sama iaitu Daun 1 > tekan (proses tampal), pilih semula Animation Painter, pilih objek kedua (proses tampal) dan seterusnya (Daun 2, Daun 3, Daun 4 dan Daun 5)
4. Panel pada Animation Pane akan menunjukkan kesan animasi pada objek batang dan Daun
5. Tekan Slide Show untuk melihat kesan animasi



MARI CIPTA ANIMASI 3

Burung
beterbangan




Animasi 3

Burung berterbangan

Animasi ketiga yang akan kita dibangunkan ialah burung berterbangan. Sebenarnya terdapat banyak jenis animasi yang boleh diaplikasikan untuk menghasilkan kesan burung berterbangan, tetapi di sini kita akan belajar animasi yang paling ringkas bagi seorang pemula (beginner). Terdapat dua jenis animasi yang akan diaplikasikan di sini iaitu : Custom Path dan Fade.


Langkah : Susun dan namakan objek

1. Masukkan 2 jenis objek (imej vektor) iaitu badan burung dan 2 sayap.
2. Namakan objek di dalam slaid menggunakan fungsi Selection Pane (burung, sayap 1 dan sayap 2)




Langkah : Pilih kesan animasi

1. Klik Animations dalam menu bar dan klik Animation Pane untuk keluar panel Animation Pane
2. Pilih objek burung pada slaid
3. Pilih Animations > Motion Path > Custom Path




4. Sambil tekan pada objek burung, buat gerakan burung bebas terbang di seluruh slaid > Enter



Langkah : Kawal durasi animasi (Custom Path)

1. Klik anak panah ke bawah (drop down menu) animasi burung pada Animation Pane untuk keluaran dialog box
2. Tekan tab Effect > Smooth start > 0 sec dan Smooth End > 0 sec > OK
3. Tekan tab Timing > Start After Previous > Duration 6 sec > OK




Langkah : Salin kesan animasi

Animasi Custom Path akan diaplikasikan untuk kedua-dua objek iaitu sayap 1 dan sayap 2. Oleh itu, tetapan animasi sebelum ini boleh disalin ke dalam objek sayap menggunakan fungsi Animation Painter.


1. Pilih objek sayap 1 pada slaid yang telah diberi animasi Custom Path
2. Klik Animations > Animation Painter pada Bar Ribbon (proses salin)
3. Pilih objek yang ingin diapikasi animasi yang sama iaitu sayap 1 > tekan (proses tampal), pilih semula Animation Painter dan pilih objek kedua sayap 2 (proses tampal)
* Ubah pada tab Timing > Start With Previous supaya pergerakan sayap bersekali dengan burung

4. Panel pada Animation Pane akan menunjukkan kesan animasi pada objek burung dan sayap
5. Tekan Slide Show untuk melihat kesan animasi




Langkah : Masukkan animasi 2 (kombo)

1. Klik objek sayap 1 dan sayap 2 pada Selection Pane
2. Klik Add Animation pada bar menu dan pilih Fade (animasi 2)



Langkah : Kawal durasi animasi 2

1. Klik anak panah ke bawah (drop down menu) animasi sayap 1 dan sayap 2 pada Animation Pane untuk keluaran dialog box
2. Tekan tab Timing > Start With Previous > Duration 1 second > OK
3. Kelihatan animasi Fade akan berfungsi bersekali dengan animasi 1 (Custom Path) pada garis masa (timeline)



4. Tekan Slide Show untuk melihat tetapan kombo animasi

Animasi burung berterbangan
berjaya dibangunkan! Anda
boleh salin dan tampal untuk
mewujudkan beberapa ekor
burung di atas slaid

MARI CIPTA ANIMASI 4

Daun
pokok
bergoyang




Animasi 4

Daun pokok bergoyang

Animasi keempat yang akan dibangun ialah daun pokok bergoyang. Terdapat satu jenis animasi sahaja yang akan diaplikasikan di sini iaitu : Spin


Langkah : Susun dan namakan objek

1. Masukkan 2 jenis objek (imej vektor) iaitu batang pokok dan 3 rimbunan daun
2. Namakan objek di dalam slaid menggunakan fungsi Selection Pane (batang pokok, Daun pink 1, Daun pink 2 dan Daun pink 3)




Langkah : Pilih kesan animasi

1. Klik Animations dalam menu bar dan klik Animation Pane untuk keluarkan panel Animation Pane
2. Pilih objek Daun pink 1 pada slaid
3. Pilih Animations > Spin



Langkah : Kawal durasi animasi (Spin)


1. Klik anak panah ke bawah (drop down menu) animasi Daun pink pada Animation Pane untuk keluarkan dialog box
2. Tekan tab Effect > Amount > Custom : 10 darjah > Enter > OK. Klik untuk aktifkan Auto - Reverse > OK
3. Tekan tab Timing > Start With Previous dan Duration 2 sec > OK



Langkah : Salin kesan animasi

Animasi Spin akan diaplikasikan untuk kedua-dua objek lain iaitu Daun Pink 2 dan Daun Pink 3. Oleh itu, tetapan animasi sebelum ini boleh disalin ke dalam objek sayap menggunakan fungsi Animation Painter.

1. Pilih objek Daun pink 1 pada slaid yang telah diberi animasi Custom Path
2. Klik Animations > Animation Painter pada Bar Ribbon (proses salin)
3. Pilih objek yang ingin diapikasi animasi yang sama iaitu Daun pink 2 > tekan (proses tampal), pilih semula Animation Painter dan pilih objek kedua Daun pink 3 (proses tampal)
 - * Ubah pada tab Timing > Start > With Previous supaya pergerakan Daun pink 2 dan Daun pink 3 adalah serentak
4. Kelihatan animasi Spin akan berfungsi serentak untuk ketiga-tiga objek Daun pink pada garis masa (timeline)
5. Tekan Slide Show untuk melihat tetapan animasi



Animasi daun pokok bergoyang telah berjaya dibangunkan!

MARI CIPTA ANIMASI 5



Bunga
berguguran


Animasi 5

Bunga berguguran

Animasi kelima yang akan dibangun ialah bunga berguguran. Terdapat dua jenis animasi yang akan diaplikasikan di sini yaitu : Spin dan Diagonal Down Right


Langkah : Susun dan namakan objek

1. Masukkan 1 jenis objek (imej vektor) yaitu bunga. Tetapkan objek ini di belakang rimbunan daun. Boleh juga masukkan beberapa objek bunga yang sama
2. Namakan objek di dalam slaid menggunakan fungsi Selection Pane (Bunga 1)




Langkah : Pilih kesan animasi

1. Klik Animations dalam menu bar dan klik Animation Pane untuk keluarkan panel Animation Pane
2. Pilih objek Bunga 1 pada slaid
3. Pilih Animations > More Motion Paths > Lines Curves > Diagonal Down Right > OK




Langkah : Kawal durasi animasi (Motion Path)

1. Klik anak panah ke bawah (drop down menu) animasi Bunga 1 pada Animation Pane untuk keluarkan dialog box
2. Tekan tab Effect > Smooth Start : 0 sec dan Smooth End : 0 sec > OK.
3. Tekan tab Timing > Start With Previous dan Duration 5 sec > OK




4. Panel pada Animation Pane akan menunjukkan kesan animasi pada objek Bunga 1
5. Tekan Slide Show untuk melihat kesan animasi




Langkah : Masukkan animasi 2 (kombo)

1. Klik objek Bunga 1 pada Selection Pane
2. Klik Add Animation pada bar menu dan pilih Spin (animasi 2)




Langkah : Kawal durasi animasi (Spin)

1. Klik anak panah ke bawah (drop down menu) animasi Bunga 1 pada Animation Pane untuk keluaran dialog box
2. Tekan tab Effect > Amount : 360 degree Clockwise, Smooth Start : 0 sec dan Smooth End : 0 sec > OK.
3. Tekan tab Timing > Start With Previous dan Duration 5 sec > OK



4. Gunakan fungsi Animation Painter untuk menyalin kesan animasi kepada beberapa objek Bunga yang lain.
5. Panel pada Animation Pane akan menunjukkan kesan animasi pada objek Bunga yang dimasukkan
6. Tekan Slide Show untuk melihat kesan animasi



Animasi bunga berguguran telah berjaya dibangunkan!

5 ANIMASI YANG TELAH DICIPTA

✓ Matahari timbul dan bersinar

✓ Pertumbuhan tanaman

✓ Burung berterbangan

✓ Daun pokok bergoyang

✓ Bunga berguguran

KESAN ANIMASI MS POWERPOINT YANG DIGUNAKAN

Lines dan Blink

Custom Path dan Fade

Spin

Spin dan Diagonal
Down Right


Wipe

Eksport Video

Bagi melengkapkan slaid menjadi video animasi, elemen audio boleh dimasukkan ke dalam objek yang bersesuaian agar elemen penceritaan dalam slaid persembahan lengkap sebelum disimpan dalam format video.


Setelah itu, animasi yang telah dibangunkan boleh disimpan dalam 2 format iaitu :

1. format PowerPoint Presentation (*.ppt) untuk membolehkan slaid diedit semula




2. Format MPEG-4 Video untuk membolehkan slaid dimainkan dalam bentuk video.

* Sila berhati-hati kerana selepas format ini dipilih, slaid persembahan tidak boleh diedit lagi



Selamat beranimasi!

5 langkah cipta video animasi dalam ms powerpoint



Rujukan

1. Jamalludin Harun, Baharuddin Aris and Zaidatun Tasir (2001). Pembangunan Perisian Multimedia: Satu Pendekatan Sistematis, Kuala Lumpur: Venton Publishings.
2. Add animation to slides - Microsoft Support
<https://support.microsoft.com>

Mengenai Penulis

Aspalilla Main merupakan pensyarah bekelulusan PhD Teknologi Maklumat yang bertugas di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Merlimau Melaka. Mempunyai latarbelakang akademik dalam bidang Kejuruteraan Elektrik (Teknologi Maklumat) di peringkat Ijazah Pertama dan Kejuruteraan Telekomunikasi & Maklumat pada peringkat Sarjana, beliau mempunyai pengalaman 18 tahun dalam bidang pendidikan. Penglibatan beliau dalam kursus Aplikasi Multimedia untuk pelajar peringkat Diploma Politeknik memberi idea untuk beliau menghasilkan buku siri MS PowerPoint yang berfokuskan kepada pembangunan animasi ini. Bagi beliau, MS PowerPoint bukan sekadar perisian pembangun persembahan, tetapi dengan mengaplikasikan tips dan triks tertentu, pelbagai produk multimedia boleh dihasilkan menggunakan perisian ini.

e ISBN 978-967-2241-78-2



9 78 967 2241 78 2